

CNS8004

U PB 13-09 00158 BA579

aab

Mahathir - Sabah

MAHATHIR BELUM DAPAT MAKLUMAT MENGENAI DAKWAAN GHAFAR

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata beliau belum mendapat maklumat mengenai dakwaan kononnya para perwakilan Umno di Sabah dihalang daripada mencalonkan Encik Ghafar Baba untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden Umno.

"Kalau benar, saya berasa amat sedih," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perhutanan Komanwel di Hotel Shangri-La di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta mengulas kenyataan Ghafar semalam bahawa para penyokongnya tidak diberi peluang untuk mencadangkan namanya pada setiap persidangan perwakilan bahagian yang telah dijalankan di Sabah.

Timbalan Perdana Menteri itu dilaporkan berkata beliau telah menerima laporan bahawa pengerusi tetap menahan perwakilan daripada mencalonkan namanya dengan menutup pencalonan sebaik sahaja nama Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dicadangkan.

Dr Mahathir berkata sekiranya beliau mendapat maklumat jelas mengenai perkara itu, tindakan boleh diambil. -- Lagi.

♥13/09/13-59MST

U PB 13-09 00123 BA580

aab

Mahathir - Sabah 2 (akhir) Kuala Lumpur

Kesemua 13 bahagian, daripada 20 bahagian UMNO di negeri itu, yang telah mengadakan persidangan perwakilan masing-masing sejak Khamis lepas mencalonkan Anwar untuk jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan parti November ini.

Anwar, yang juga naib presiden Umno, kini mempunyai 81 pencalonan manakala Ghafar cuma enam setelah 87 bahagian Umno di seluruh negara selesai mengadakan persidangan perwakilan dalam empat hari lepas.

Keseluruhan 153 bahagian Umno dijadualkan selesai bersidang menjelang 30 Sept.

Dr Mahathir berharap persidangan perwakilan bahagian seterusnya tidak akan berjalan dalam suasana tegang.

Katanya, setakat ini persidangan-persidangan yang telah diadakan itu "tidaklah teruk sangat" walaupun ada yang dikatakan tegang. -- Bernama
AZZ NMO.

♥13/09/14-14MST